

28/09/2000

Pelajar sedih Malaysia Hall, MSD dipindah

Azman Abdul Hamid in London

LONDON, Rabu - Pelajar dan rakyat Malaysia di Britain sedih dengan keputusan Kuala Lumpur memindahkan Jabatan Pelajar Malaysia (MSD) dan Malaysia Hall ke lokasi baru.

Bagaimanapun, mereka terpaksa akur dengan keputusan yang telah dibuat dan mencadangkan supaya Malaysia Hall yang baru nanti seboleh-bolehnya masih terletak di bahagian tengah kota London.

Pengetua Kolej Sels, Datuk Yunus Raiss, berkata beliau sendiri terkejut dengan keputusan kerajaan untuk tidak menyambung pajakan Malaysia Hall.

"Inilah detik hitam bagi beribu-ribu rakyat dan juga penuntut Malaysia di sini apabila kerajaan mengambil keputusan itu.

"Malaysia Hall mempunyai sejarahnya tersendiri. Contohnya pada 1957, Tuanku Abdul Rahman sendiri mengumumkan kemerdekaan Tanah Melayu di dewan ini," katanya.

Beliau berkata, pelajar dan juga rakyat Malaysia di sini tidak bersetuju dan akan meminta penjelasan daripada kerajaan mengenai perkara itu.

Yunus turut menulis surat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan rasa kesal atas keputusan Kabinet itu.

Sementara itu, bekas penuntut beberapa universiti di sini turut melahirkan rasa terkejut dengan keputusan yang dibuat dan berharap pihak kerajaan dapat menimbang semula keputusan itu.

Bekas Pelajar Universiti Kent, Mohammed Iznan berpendapat Malaysia Hall yang terletak di Bryanston Square adalah satu tempat bersejarah. Oleh itu, pemilihan tempat baru diharap setanding dengan lokasi sedia ada.

"Lokasi baru Malaysia Hall mungkin sesuai jika terletak di tengah London kerana ia adalah satu tempat perjumpaan pelajar Malaysia di sini.

"Jika kerajaan mampu berbelanja untuk projek besar termasuk Formula One, mengapa tidak untuk Malaysia Hall ini. Sepatutnya, ia harus dikekalkan kerana ia mempunyai nilai tersendiri kepada kami," katanya.

Bekas pelajar Universiti Newcastle, Azhar Sulaiman, juga tidak bersetuju dengan pemindahan Malaysia Hall.

"Selain menjadi tempat untuk solat Jumaat, ia juga adalah tempat pertemuan antara kami untuk mengatur aktiviti seharian," katanya.

Rakannya, Zariman Ibrahim, bekas pelajar Universiti Southbank, turut menyokong agar Malaysia Hall dikekalkan di tapak asalnya.

"Jika kerajaan sudah nekad dengan keputusan itu, saya harap lokasi baru itu terletak di tengah kota London supaya warga Malaysia masih ada tempat untuk bertemu," katanya.

Ketika menjelaskan perkara itu, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohammad sebelum ini dilaporkan berkata Malaysia terpaksa membayar 720 pound sterling (RM4,350) setahun sebagai sewa pajakan pejabat MSD.

"Jika kita meneruskan pajakan, kita terpaksa membayar sewa sebanyak 300,000 pound sterling (RM1.74 juta) setahun selepas pemiliknya bersetuju melanjutkan tempoh pajakan selama 25 tahun lagi," katanya.

Musa berkata, langkah sudah diambil untuk memindahkan MSD dan kerajaan berpendapat adalah lebih baik membeli tanah atau bangunan baru bagi menempatkan MSD dan Malaysia Hall.

Sementara itu, Pemangku Pengarah MSD, Anwar Ahmad berharap semua pihak tidak terlalu emosi dalam perkara itu kerana MSD dan Malaysia Hall tetap wujud sekalipun lokasinya berbeza.

(END)